

CABARAN, KEPERLUAN DAN CADANGAN PEMBANGUNAN MODEL STANDARDISASI TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM KEBANGSAAN

CHALLENGES, NEEDS, AND PROPOSED DEVELOPMENT OF A NATIONAL STANDARDIZED ISLAMIC TEACHING ACCREDITATION MODEL

Muhammad Nurdin Haikal Ab Lathif^{1*}

Norazmi Anas²

Mohd Hapiz Mahaiyadin³

S Salahudin Suyurno⁴

Mohd Erfino Johari⁵

Nurul Badriyah Ali⁶

Ahmad Khairul Ashraaf Saari⁷

Farah Mohd Ferdaus⁸

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia,
(E-mail: 2023243674@student.uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak, Malaysia,
(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia,
(E-mail: mohdhapiz659@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia,
(E-mail: ssalahud@uitm.edu.my)

⁵Pusat Islam, Umum dan Pengajian Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia,
(E-mail: erfino@uptm.edu.my)

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia,
(E-mail: nurulbadriyah@uitm.edu.my)

⁷Pusat Islam, Umum dan Pengajian Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia,
(E-mail: ashraaf_s@uptm.edu.my)

⁸Pusat Islam, Umum dan Pengajian Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia,
(E-mail: farah@uptm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ab Lathif, M. N. H., Anas, N., Mahaiyadin, M. H., Suyurno, S. S., Johari, M. E., Ali, N. B., Saari, A. K. A., & Mohd Ferdaus, F. (2025). Cabaran, Keperluan dan Cadangan Pembangunan Model Standardisasi Tauliah Mengajar Agama Islam Kebangsaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 882 - 890.

Abstrak: Semua negeri di Malaysia memiliki autonomi dalam hal ehwal agama Islam termasuk pengeluaran tauliah menyebabkan ketidaksepaduan prosedur, kekangan birokrasi dan sekatan pergerakan bagi pendakwah antara negeri. Kekerapan temuduga menjadi punca utama polemik tauliah mengajar agama berlarutan sehingga kini di samping tempoh menunggu panggilan temuduga yang panjang serta tempoh permohonan yang singkat. Hal ini

menunjukkan kesulitan dan melambatkan proses dakwah Islam berbanding permit penganjuran pesta dan aktiviti sosial lain yang lebih mudah dan terbuka sepanjang tahun. Maka, tinjauan awal ini akan meneliti cabaran serta potensi penyelesaian dalam sistem tauliah mengajar agama Islam di Malaysia, dengan fokus kepada keperluan standardisasi di peringkat kebangsaan. Kajian ini juga menghuraikan beberapa keperluan standardisasi untuk pengiktirafan silang diantara negeri bagi penyelarasan kurikulum tauliah agar prosesnya lebih efisien tanpa menjejaskan kuasa negeri. Akhirnya, kajian ini mencadangkan model standardisasi tauliah kebangsaan melalui kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Implikasinya, penyampaian dakwah dapat diperkasa secara lebih inklusif dan menyeluruh, selaras dengan keperluan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia.

Kata Kunci: Cabaran, Kebangsaan, Model, Mengajar Agama Islam, Standardisasi, Tauliah

Abstract: *All Malaysian states hold autonomy over Islamic affairs, including the issuance of tauliah (accreditation) to teach Islam. This has led to a lack of procedural uniformity, bureaucratic hurdles, and inter-state restrictions on the movement of Islamic preachers. The frequency of interviews remains a major source of contention surrounding tauliah, compounded by long waiting periods for interview calls and brief application windows. These challenges significantly hinder and delay the Islamic preaching process, especially when compared to the relatively seamless and year-round approval of festivals and other social activities. This preliminary study seeks to examine the challenges and explore potential solutions within the tauliah system for Islamic teaching in Malaysia, with a focus on the need for national-level standardization. It outlines the essential requirements for cross-state recognition and harmonization of tauliah curricula to ensure a more efficient process without undermining state authority. Ultimately, the study proposes a model for national tauliah standardization through strategic collaboration between the State Islamic Religious Councils (MAIN), State Islamic Departments (JAIN), and the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The implication is a more inclusive and comprehensive approach to Islamic preaching that aligns with the needs of contemporary Muslim society in Malaysia.*

Keywords: *Challenges, National, Model, Islamic Teaching, Standardization, Accreditation*

Pengenalan

Agama Islam berada di bawah bidang kuasa negeri di negara kita sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Artikel 3 dan Artikel 11(4) (Perlembagaan Persekutuan Malaysia). Setiap negeri mempunyai enakmen tersendiri yang mengawal selia pentadbiran agama, termasuk pengeluaran tauliah mengajar agama yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006). Dalam konteks ini, tauliah mengajar bukanlah suatu halangan, tetapi satu mekanisme penting untuk menjaga kemurnian agama Islam dan memastikan ilmu yang disampaikan adalah sahih serta selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Keperluan ini dilihat semakin penting dalam dunia yang penuh dengan pelbagai cabaran dan ancaman terhadap akidah umat Islam (Jabatan Agama Islam Selangor, 2023). Walaupun sistem tauliah bertujuan untuk memastikan penyampaian ilmu agama yang sahih dan mengelakkan penyebaran ajaran sesat, perbezaan ketara antara negeri-negeri telah menimbulkan pelbagai cabaran. Penceramah agama yang ingin berdakwah di beberapa negeri terpaksa memohon tauliah secara berasingan, menyebabkan masalah

birokrasi, kekangan pergerakan, dan ketidaksepaduan dalam sistem dakwah di peringkat nasional (Hamid & Jaharudin, 2017).

Tujuan utama tauliah mengajar adalah dapat memelihara keagungan dan kesucian agama Islam serta kesatuan umat Islam. Negara juga dapat mengekang penyebaran ideologi yang menyeleweng dari sudut akidah, amalan yang bercanggah dengan syariat serta dapat mengelakkan dari berlakunya khurafat. Dengan wujudnya tauliah, negara dapat memastikan ilmu agama dari pengajar yang layak sahaja untuk diajarkan kepada masyarakat, sesuai dengan dasar-dasar kerajaan, uruf, dan waqi' dalam sesebuah negara. Kebanyakan tauliah mempunyai had tempoh antara 2 hingga 5 tahun dan perlu diperbaharui. Pemegang tauliah hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan untuk mengelak kekeliruan dan penyalahgunaan tauliah. Contohnya, Garis Panduan Tauliah Melaka 2021 menetapkan 15 syarat, termasuk selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mengutamakan mazhab Syafii serta tidak mempertikai fatwa yang telah diputuskan (Abdullah et al., 2022). Pengurusan tauliah tidak terlepas daripada polemik, termasuk isu sama ada ceramah melalui media sosial dalam dunia moden ini memerlukan tauliah.

Antara isu utama yang sering dibangkitkan berkaitan sistem tauliah adalah perbezaan prosedur dan syarat tauliah antara negeri menyebabkan kekeliruan dan kesulitan kepada pendakwah (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006). Tiada mekanisme pengiktirafan silang antara negeri, menyebabkan pendakwah perlu memohon tauliah berulang kali. Proses permohonan yang kompleks dan birokratik boleh menghalang penyebaran dakwah Islam yang lebih luas. Beberapa kes menunjukkan penceramah dikenakan tindakan undang-undang kerana tidak mempunyai tauliah, walaupun mereka diiktiraf di negeri lain. Ketiadaan standardisasi menyebabkan kualiti penyampaian agama berbeza-beza antara negeri dan membuka ruang kepada eksploitasi (Hamid & Jaharudin, 2017).

Cabaran Sistem Tauliah Sedia Ada di Malaysia

Antara cabaran utama dalam sistem tauliah mengajar agama di Malaysia ialah ketidaksepaduan antara negeri-negeri. Setiap negeri menetapkan syarat dan prosedur permohonan tauliah yang berbeza, selaras dengan bidang kuasa agama Islam yang terletak di bawah kuasa negeri. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan serta menyukarkan pendakwah yang ingin bergerak merentas negeri. Ketiadaan standardisasi ini turut menyukarkan penyelarasan usaha dakwah secara lebih menyeluruh dan berkesan di peringkat kebangsaan (Anas et al., 2024).

Selain itu, terdapat beberapa isu berkaitan birokrasi dan kelewatan dalam memproses sistem tauliah. Sistem tauliah sedia ada turut berdepan dengan isu birokrasi yang kompleks dan proses permohonan yang memakan masa. Dalam sesetengah kes, kelulusan tauliah mengambil masa yang lama untuk diproses, sekaligus menghalang kelancaran aktiviti dakwah. Tambahan pula, tiada mekanisme pemprosesan pantas atau laluan khas bagi pendakwah dari luar negeri, menyebabkan mereka terpaksa melalui proses yang sama setiap kali ingin berdakwah di negeri yang berbeza. Terdapat beberapa buah negeri yang tidak menjelaskan dengan lengkap proses permohonan dan kriteria penilaian. Para pendakwah yang ditolak permohonan tidak dapat maklumat mengapa permohonan mereka ditolak tanpa alasan yang jelas. Menurut kenyataan Zanariah Dimon dalam artikel Pentauliah Pengajaran Agama di Masjid dan Surau: Tinjauan Ringkas Undang-Undang Islam di Malaysia menyatakan bahawa terdapat banyak kes di negara ini yang melibatkan pengajaran tanpa tauliah, menunjukkan kekangan dalam sistem pentauliah (Dimon et al., 2022).

Hal ini juga memberikan cabaran besar kepada pendakwah bebas. Pendakwah bebas merupakan golongan yang paling terkesan dengan sistem tauliah yang berbeza-beza ini. Mereka perlu memohon tauliah secara berasingan di setiap negeri yang ingin mereka lawati atau sampaikan ceramah. Hal ini bukan sahaja membebankan dari segi masa dan kos, tetapi juga menghadkan ruang gerak dakwah mereka. Di samping itu, terdapat negeri-negeri yang menetapkan syarat yang sangat ketat sehingga boleh menjejaskan kebebasan para pendakwah untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat. Akibat dari kurangnya pendekatan mesra pendakwah yang inklusif, para pendakwah bebas merasa tersisih kerana sistem tidak banyak memberikan saluran bantuan, bimbingan, atau rayuan bagi mereka yang gagal. Penerimaan tauliah perlu lebih inklusif dan mesra pendakwah sebagai solusi kepada polemik tauliah mengajar yang sedang melanda negara (Anas et al., 2024). Ketiadaan jawatankuasa rayuan bebas menjadikan proses tidak telus dan mudah dimanipulasi. Laporan oleh Sinar Harian menyatakan bahawa pemantauan tauliah mengajar dilakukan bertujuan mengelak ilmu agama terpesong atau disalah guna, namun tidak menyentuh secara khusus mengenai sistem aduan dan rayuan (Jaafar, 2024).

Antara kesan lain adalah, persepsi masyarakat awam terhadap kredibiliti badan berautoriti. Sistem tauliah yang tidak seragam turut memberi kesan kepada kredibiliti institusi agama serta persepsi masyarakat terhadap para pendakwah. Terdapat kes-kes di mana penceramah yang diiktiraf dan mempunyai tauliah di satu negeri, dikenakan tindakan undang-undang di negeri lain kerana tidak memiliki tauliah yang sah di negeri tersebut. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam, yang sukar membezakan antara pendakwah bertauliah dan yang tidak. Tambahan pula, apabila isu ini menjadi tular di media sosial, ia boleh mencetuskan gejala viralisme yang memberi imej negatif kepada institusi agama, seolah-olah tidak sepatutnya dalam menangani isu dakwah (Hamid & Jaharudin, 2017). Persepsi Negatif Masyarakat berkaitan Tauliah dilihat oleh sesetengah pendakwah sebagai alat kawalan, dan bukannya pembangunan. Wujud stigma bahawa hanya pendakwah “kerajaan” atau “mainstream” boleh berceramah berikutan kes penarikan balik tauliah terhadap pendakwah terkenal seperti Ustaz Don Daniyal oleh JAIS dan mendapat perhatian media serta mencetuskan perdebatan dalam kalangan masyarakat (Mohd Tahir, 2024).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) tahun 2003 dibawah Seksyen 118, menetapkan bahawa hanya individu yang memenuhi syarat tertentu layak menerima tauliah tanpa menyatakan pengiktirafan pengalaman tidak formal. Dapat dilihat bahawa tiada pengiktirafan khusus kepada pencapaian ilmu dan pengalaman dakwah. Pendakwah yang berpengalaman dan mempunyai kelulusan rasmi (lulusan pondok, NGO, luar negara) sukar mendapat tauliah dan perlu ditapis penilaian dengan temuduga. Sistem menjadi kurang fleksibel untuk mengiktiraf bentuk pembelajaran yang formal (*formal learning*) walaupun mempunyai keputusan cemerlang dalam akademik dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang dakwah. Berikutan permasalahan ini, konteks sosial semasa menjadi tergugat apabila modul tauliah terlalu fokus kepada kandungan tradisional dan kurang elemen seperti psikologi dakwah, komunikasi massa, isu semasa umat Islam (LGBTQ, sekularisme, Islamofobia) dan Dakwah kepada bukan Islam. Menurut kajian dalam Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin Siri 4 terdapat kenyataan perlunya pendekatan dakwah yang mengambil kira isu semasa seperti keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia (Mohd Haridi et al., 2023).

Selain itu, kurangnya sistem pemantauan secara bersepadu dan tiada pangkalan data kebangsaan tentang siapa yang bertauliah dan di mana mereka aktif menyebabkan masjid/NGO

menjadi sukar untuk menyemak status tauliah penceramah yang dijemput. Sistem e-Daie JAKIM menyediakan maklumat penceramah yang mempunyai tauliah, namun tidak semua bidang kepakaran dari penerima tauliah terlibat secara aktif dalam sistem ini. Hal ini menunjukkan bahawa kekurangan pemantauan secara bersepadu terhadap sistem pengkalan data secara menyeluruh. Begitu juga dengan isu lain berkaitan masalah penyesuaian dengan platform dakwah baharu. Menurut Ibrahim dan Samudin (2022) menjelaskan bahawa kawal selia yang tidak cekap dan tidak jelas terhadap pendakwah di media sosial apabila pendakwah popular tanpa tauliah bebas menyampaikan ceramah dan sukar dikawal oleh JAIN/JAKIM. Pendakwah yang aktif di *YouTube*, *TikTok*, atau *Instagram* tidak diiktiraf dalam sistem sedia ada yang punya pengaruh besar, tapi tidak terkawal kerana tiada sistem tauliah untuk platform digital. Oleh itu berlakunya ketidakseimbangan di mana pendakwah kecil yang sah bertauliah ditapis manakala pendakwah viral yang tiada tauliah dibiarkan bebas. Hal ini menjadi cabaran besar apabila kekurangan data dan penyelidikan berasaskan bukti secara kebangsaan mengenai profil sebenar pendakwah bertauliah. Perkara ini juga jelas memberi kesan terhadap mutu dakwah dalam sistem tauliah di Malaysia dan menyebabkan dasar tauliah tidak berpaksikan data sebenar lapangan. Dalam kajian Anas et al. (2024) menekankan keperluan ijtihad waqi'i ke arah pemantapan dakwah era madani serta polisi yang menyokong cadangan tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah.

Menurut Umar (2023) proses permohonan tauliah mengajar perlu melalui beberapa proses tapisan untuk melihat kelayakan, kemahiran, kemampuan dan penguasaan ilmu seseorang sebelum diberikan tauliah. Berikutan itu, keterasingan organisasi dakwah dari proses polisi juga memberi kesan kepada standardisasi modul dakwah. Pendakwah lapangan, terutamanya dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau institusi pondok, jarang dilibatkan dalam merangka dasar atau modul tauliah. Mereka hanya dilihat sebagai pemohon dan bukannya rakan kongsi. Disini wujud kepentingan jalur latihan formal untuk calon pendakwah. Tidak semua negeri mewujudkan laluan latihan khusus untuk mereka yang mahu mohon tauliah berbanding sistem seperti Sijil Induksi Guru KAFA, pendakwah bebas tiada platform formal sebagai persediaan menghadapi ujian dan temuduga tauliah di Jabatan Agama Islam Negeri.

Selain itu, ketegangan antara negeri dalam soal pengiktirafan tauliah juga boleh menjejaskan imej Islam yang sepatutnya bersifat menyatukan ummah. Dalam era digital, dakwah bersifat rentas sempadan dan pelbagai platform, namun sistem tauliah yang masih beroperasi secara lokalistik menimbulkan konflik antara realiti dakwah semasa dan peraturan sedia ada (Al-Bakri, 2023).

Cadangan Model Standardisasi Tauliah Mengajar Agama Islam (Peringkat Kebangsaan)

Bagi mengatasi cabaran ketidaksepaduan sistem tauliah di Malaysia, beberapa model standardisasi dicadangkan agar penyampaian dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur di peringkat kebangsaan. Menurut Al-Bakri (2023), perlu ada usaha dalam mewujudkan ke arah penyelarasan kurikulum tauliah dengan membangunkan garis panduan standard yang seragam bagi penilaian calon tauliah. Ini termasuk syarat kelayakan akademik, pengalaman dakwah, serta pengetahuan asas dalam bidang akidah, fiqh dan akhlak. Standard ini penting bagi menjamin kualiti penyampaian dakwah di seluruh negara. Perkara ini mendapat perhatian oleh Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor yang berpandangan bahawa pentauliahan penceramah agama perlu diselaraskan semula agar dapat memudahkan urusan pengajaran dan ceramah agama Islam di seluruh negara (Othman, 2023).

Kekerapan temuduga menjadi punca utama polemik tauliah mengajar agama berlarutan sehingga kini disamping tempoh menunggu panggilan temuduga yang panjang serta tempoh permohonan yang singkat. Ini menampakkan kesulitan dan melambatkan proses dakwah Islam berbanding permit penganjuran pesta dan aktiviti sosial lain yang lebih mudah dan terbuka sepanjang tahun. Sehubungan itu, model tauliah standardisasi kebangsaan dilihat bagi menjelaskan mengenai keperluan keselarasan dalam pentauliah dengan membentuk satu model pentauliah secara bersepadu mengikut kepada aspek perundangan di peringkat kebangsaan di Malaysia. Model ini bertujuan untuk membentuk kelayakan tauliah secara bersepadu bagi mendapatkan tauliah dalam kalangan pendakwah agama Islam di Malaysia agar dapat membendung penyelewengan dan mengelakkan kecelaruan dalam masyarakat berhubung pelbagai isu yang berkaitan dengan agama. Model ini sangat penting untuk dijalankan agar para penerima tauliah tidak dibebankan untuk memiliki tauliah setiap negeri akan tetapi boleh memiliki tauliah mengajar dengan mengambil kelayakan tauliah hanya beberapa kali sahaja sebagai bukti kelayakan mengajar agama Islam. Kajian ini akan menganalisis keperluan Model tauliah mengajar secara bersepadu dan mengenalpasti pelaksanaan keselarasan tauliah mengajar setiap negeri di Malaysia. Pada akhirnya, satu model Model Tauliah Mengajar Standardisasi Peringkat Kebangsaan akan dibentuk.


Pemberian tauliah mengajar agama Islam di peringkat kebangsaan sewajarnya berasaskan satu set kriteria yang komprehensif, seimbang antara ilmu, akhlak, dan keberkesanan penyampaian dakwah. Pengiktirafan tauliah ini akan melihat kepada latar belakang pendidikan Islam yang mantap dan diiktiraf, sekurang-kurangnya di peringkat diploma atau ijazah dalam bidang pengajian Islam daripada institusi yang sah sama ada dari dalam ataupun luar negara. Pembuktian melalui sijil ini penting bagi menjamin bahawa ajaran yang disampaikan adalah bersumberkan ilmu yang sahih dan bertanggungjawab. Tauliah mengajar agama standardisasi peringkat kebangsaan ini juga akan menilai pemahaman yang jelas pemohon terhadap manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai dasar pegangan akidah negara serta bebas daripada pengaruh ajaran sesat, fahaman ekstremis, atau sebarang kecenderungan yang boleh mengganggu keharmonian umat Islam.

Dalam konteks keberkesanan dakwah, calon tauliah seharusnya mempunyai keupayaan menyampaikan ilmu dengan fasih, berhemah, dan disesuaikan dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Kepetahan berkomunikasi dalam pelbagai medium termasuk media sosial, forum awam, dan institusi masjid menjadikan mutu dan nilai tambah terhadap dakwah. Aspek sahsiah dan akhlak juga tidak boleh diabaikan. Pemohon tauliah mesti mempunyai rekod peribadi yang baik, tidak terlibat dalam kontroversi, jenayah atau kes moral, kerana mereka bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi juga menjadi teladan dalam masyarakat. Populariti seseorang pendakwah juga boleh diambil kira, namun perlu dinilai bukan semata-mata berdasarkan jumlah pengikut, tetapi juga kepada pengaruh positif dan sumbangan yang dibawa kepada masyarakat melalui dakwah yang berkesan dan membina. Tambahan lagi, kelayakan tauliah kebangsaan harus mempertimbangkan sejauh mana individu itu menyumbang kepada agenda Islam negara seperti *Maqasid Syariah*, gagasan *Rahmatan lil 'Alamin*, serta usaha dalam memperkukuh umat Islam. Pada akhirnya, calon akan bersedia untuk menjalani proses saringan dan temuduga yang telus oleh panel yang profesional bagi memastikan kelayakan tauliah diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, berwibawa dan memahami fiqh realiti semasa semasa membawa ajaran Islam kepada masyarakat. Kesemua kriteria ini digabungkan bagi menjamin integriti, kredibiliti dan keselarasan penyampaian ajaran Islam di Malaysia melalui sistem tauliah yang lebih sistematik dan inklusif.

Kerjasama strategik antara agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merupakan satu pendekatan progresif yang boleh memperkukuh ekosistem pentaksiran tauliah mengajar agama Islam di Malaysia. Melalui jaringan kerjasama ini, satu program persediaan komprehensif dan sistematik dapat dirangka khusus untuk bakal penerima tauliah, yang merangkumi aspek kefahaman asas akidah, fiqh, dan akhlak Islam, selain pendedahan terhadap peraturan berkaitan komunikasi digital, pelaburan halal, serta tanggungjawab sosial dalam konteks dakwah kontemporari. Pendekatan pelbagai pihak ini mampu memperkasa kompetensi para pendakwah selaras dengan keperluan semasa, sekaligus menjamin penyampaian ilmu agama yang lebih berintegriti, inklusif, dan responsif terhadap cabaran masyarakat majmuk dan era digital masa kini. Dalam konteks memperkukuh proses pemantauan dan pembangunan profesional pendakwah, sistem e-Daie yang dibangunkan oleh JAKIM berpotensi menjadi platform digital bersepadu yang lebih berdaya saing jika diperluaskan fungsinya kepada aspek latihan berterusan, penilaian prestasi, dan pengesanan keberkesanan aktiviti dakwah. Penambahbaikan ini boleh dilaksanakan melalui integrasi data bersama JAIN, NGO, dan agensi berkaitan seperti SKMM dan Kementerian Pendidikan, sekali gus mewujudkan ekosistem digital yang menyeluruh untuk menyokong agenda pensijilan tauliah secara lebih inklusif, telus dan efisien.

Model Tauliah Mengajar Standardisasi peringkat Kebangsaan yang dicadangkan memberi sumbangan terhadap teori, dapatan dan pengetahuan baharu dalam melahirkan generasi berakhlak mulia demi membentuk sebuah masyarakat Madani yang rahmah dan maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan kebendaan hasil semaian nilai-nilai Islam melalui aktiviti dakwah Islamiah sesuai dengan manhaj tradisi kenabian. Dari sudut akademik, platform penyelidikan dakwah Islamiah akan bersifat inklusif dan holistik mesra pendakwah bagi menyelesaikan polemik tauliah mengajar yang timbul seterusnya memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini akan menjamin kesejahteraan menyeluruh setiap individu, keluarga dan masyarakat melalui penerapan nilai Islam dalam dakwah Islamiah selari hasrat kerajaan untuk merealisasikan masyarakat madani yang bersifat rahmah seterusnya melahirkan sumber tenaga kerja manusia berakhlak, bermaruah dan berkeyakinan tinggi hasil sifat penerapan nilai ihsan demi kemampanan industri negara.

Akhir sekali, akan mewujudkan persekitaran yang harmoni, bahagia dan selamat serta berjati diri Islam yang unggul bagi sebuah negara bangsa berdaulat serta menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain di seluruh dunia bagi merealisasikan Malaysia Madani sebagai Pusat Kecemerlangan Islam serantau.



Rajah 1: Model Konseptual Tauliah Mengajar Agama Islam di Malaysia
(Adaptasi Panduan Permohonan e-Tauliah MAIS)

Kesimpulan

Terdapat ketidaksepaduan dalam sistem tauliah antara negeri-negeri. Cabaran utama adalah isu birokrasi, tiada pengiktirafan silang, dan kekangan pergerakan pendakwah. Model standardisasi tauliah kebangsaan boleh mempercepatkan proses, tetapi masih perlu menghormati kuasa negeri. Kajian ini mengesyorkan agar satu mekanisme penyelarasan tauliah kebangsaan diperkenalkan bagi mengurangkan birokrasi dan memastikan penyampaian dakwah lebih lancar. Dalam masa yang sama, peranan negeri dalam kawalan agama Islam tetap dihormati. Penelitian terhadap kriteria kelayakan seseorang individu untuk diberikan tauliah di peringkat kebangsaan seharusnya mengambil kira pelbagai aspek penting. Antaranya ialah tahap penguasaan ilmu agama yang mantap dan diperakui, tahap populariti individu dalam kalangan masyarakat, jumlah pengikut atau pengaruh yang dimiliki terutamanya dalam ruang awam atau media sosial, serta keupayaan menyampaikan ajaran Islam dengan penuh kepetahan, hikmah dan kefasihan berdasarkan maklumat serta dalil yang sahih. Gabungan elemen-elemen ini wajar dinilai secara seimbang bagi memastikan hanya individu yang layak, berwibawa, dan mampu memberi manfaat kepada masyarakat diberikan tauliah mengajar agama di peringkat kebangsaan.

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh (i) Geran Penyelidikan Dalam UPTM (URG), kod geran: UPTM.DVCRI.RMC. 15 (130) bertajuk Model Tauliah Mengajar Inklusif Mesra Pendakwah di Malaysia dan (ii) Geran Insentif Penyeliaan (GIP) 2024, kod geran penyelidikan: 600-RMC/GIP 5/3 (003/2024) bertajuk Polemik Tauliah Mengajar Agama Islam di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, M. A., Subri, I. M., Ibrahim, M. L., & Ghani, M. A. A. (2022). Malaysia Sebagai Negara Yang Bermazhab: Satu Diskusi Awal. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 161-184.
- Al-Bakri, Z. (2023). *Al-Mawaqif #20: Polemik Tauliah Mengajar*. <https://zulkifliabakri.com/19-al-mawaqif-polemik-tauliah-mengajar/>
- Anas, N., Ali, N. B., Suyurno, S. S., Johari, M. E., Abbas, R., & Saja@Mearaj, M. (2024). Tauliah Mengajar Inklusif Mesra Pendakwah Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65), 52–59.
- Dimon, Z., Bakar, S. A., & Abd Majid, M. (2022). Pentauliah Pengajaran Agama di Masjid dan Surau: Tinjauan Ringkas Undang-Undang Islam di Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 2(2), 11-26.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.
- Hamid, A. F. A., & Jaharudin, M. H. Z. (2017). Islamic Education in Malaysia: Between Neoliberalism and Political Priorities in Light of the Malaysia Education Blueprint 2013–2025. In *Policies and Politics in Malaysian Education* (pp. 31-53). Routledge.
- Ibrahim, N., & Samudin, S. A. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah di Alam Siber: Kajian di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 241-272.
- Jaafar, N. (2024, Disember 22). *Pemantauan Tauliah Mengajar Elak Agama Disalah Guna – MAIS*. <https://www.sinarharian.com.my/article/703484/edisi/selangor-kl/pemantauan-tauliah-mengajar-elak-agama-disalah-guna---mais>
- Jabatan Agama Islam Selangor (2023). *Tauliah Mengajar; Suatu Keperluan*. <https://e-khutbah.jais.gov.my/senarai-khutbah-jumaat/tauliah-mengajar-suatu-keperluan/>

- Mohd Haridi, N. F., Amat Misra, M. K., & Baharuddin, S. N. (Eds.) (2023). *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin Siri 4*. Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS.
- Mohd Tahir, S. (2024, Ogos 13). *Tauliah Mengajar Ustaz Don Daniyal di Selangor Ditarik Balik*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122359/tauliah-mengajar-ustaz-don-daniyal-di-selangor-ditarik-balik>
- Othman, M. I. (2023, Jun 13). *Jangan Putuskan Silaturahmi Kerana Politik - Mufti Pulau Pinang*. <https://www.sinarharian.com.my/article/263153/berita/nasional/jangan-putuskan-silaturahmi-kerana-politik---mufti-pulau-pinang>
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Artikel 3 dan 11(4).
- Umar, A. (2023). *Pro dan Kontra Polemik Tauliah Mengajar Agama*. <https://ikram.org.my/pro-dan-kontra-polemik-tauliah-mengajar-agama/>